

06/08/2001

Penggabungan UBG, RHB hampir pasti

Saidon Idris

PROSES penggabungan Utama Banking Group (UBG) dan RHB Bank Bhd hampir menjadi kenyataan berikutan langkah kumpulan perbankan milik Cahya Mata Sarawak Bhd (CMSB) itu membeli 23 peratus kepentingan dalam Rashid Hussain Bhd (RHB), iaitu syarikat induk RHB Bank.

Malah, penganalisis perbankan berkata, langkah itu sekali gus mendekatkan lagi matlamat kerajaan Sarawak melihat kumpulan perbankan milik CMSB iaitu syarikat pelaburannya muncul sebagai sebuah daripada 10 bank teras di negara ini.

"Dengan UBG menguasai RHB, penggabungannya dengan RHB Bank semakin pasti, malah melihat kepada perkembangan terkini, UBG kelihatannya menggunakan pintu belakang bagi mendapatkan status bank teras," kata penganalisis di sebuah syarikat broker saham tempatan.

Beliau berkata, berikutan langkah UBG membeli 23 peratus kepentingan RHB daripada Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), kumpulan perbankan itu muncul sebagai pemegang saham terbesar kedua dalam RHB, selepas Pengerusi Eksekutif RHB, Tan Sri Abdul Rashid Hussain yang menguasai 24 peratus.

Katanya, langkah seterusnya yang mungkin diambil oleh UBG ialah meningkatkan pegangannya dalam RHB.

"Untuk berbuat demikian, tumpuannya sudah tentu kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) yang secara bersama kini menguasai kira-kira 26 peratus kepentingan dalam RHB.

Jika UBG berjaya mempengaruhi sama ada KWSP atau KWAP menjual sebahagian saham RHB yang mereka miliki, kumpulan perbankan itu akan muncul sebagai pemegang saham terbesar sekali gus menguasai RHB Bank yang diberikan status bank teras oleh kerajaan," katanya.

KWAP kini memiliki 16.78 peratus saham RHB manakala KWSP pula sebanyak 9.3 peratus.

"Selepas menguasai RHB, penggabungan UBG dengan RHB Bank sudah tidak menjadi masalah kerana ia hanya satu "perkahwinan keluarga," penganalisis itu menegaskan,

RHB menguasai 57 peratus kepentingan dalam RHB Capital Bhd. RHB Capital pula menguasai 70 peratus kepentingan dalam RHB Bank.

Penganalisis itu berkata, langkah mendapatkan UBG status bank teras melalui 'pintu belakang' dengan mengambil alih RHB adalah lebih munasabah dibandingkan memohonnya secara langsung.

Ini berikutan saiz UBG yang begitu kecil berbanding bank teras yang lain.

"Walaupun CMSB boleh meningkatkan dana pemegang saham UBG bagi memenuhi syarat untuk menjadi bank teras, tetapi dari segi kepakaran, bilangan cawangan dan aset, UBG adalah terlalu jauh ke belakang berbanding bank teras yang lain.

Oleh itu cara terbaik ialah dengan menguasai RHB, dan kemudian menyuntik UBG ke dalam RHB Bank.

Melalui cara ini, ia bukan saja dapat menggunakan kepakaran RHB, tetapi juga akan menguasai kumpulan perbankan tempatan ketiga terbesar," kata penganalisis itu.

Bank Utama (Malaysia) Bhd, iaitu anak syarikat perbankan UBG kini hanya mempunyai 35 cawangan dengan aset bernilai RM7 bilion berbanding RHB Bank yang mempunyai 217 cawangan dengan aset bernilai RM51 bilion.

Kerajaan negeri Sarawak sebelum ini pernah menyatakan harapan untuk

melihat UBG diberikan status bank teras bagi mewakili Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai perkara itu, berkata, ia adalah tidak mustahil jika UBG mampu memenuhi syarat yang ditetapkan BNM.

Sebelum berunding bagi tujuan penggabungan dengan RHB Bank, UBG pernah mengadakan rundingan bagi tujuan yang sama dengan Kumpulan Arab-Malaysian dan EON Bank Bhd, tetapi mencapai jalan buntu berikutan kegagalan perundingan itu mencapai persetujuan berhubung siapa yang akan memiliki kepentingan kawalan dalam entiti penggabungan.

(END)